

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

15. Adakah kerajaan sedar akan pencemaran di persisiran pantai dan apakah tindakan penyelesaian terhadap :-
- (a) Kelicikan air dari tapak pelupusan sampah Pulau Burung.
  - (b) Sisa kumbahan ternakan khinzir dari Perkampungan Jawi dan Perkampungan Valdor.
  - (c) Kilang-kilang dari Kawasan Perindustrian Prai.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri memberi perhatian serius terhadap isu pencemaran sungai, pesisiran pantai dan laut. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS) telah menubuhkan Task Force bagi mengatasi isu-isu pencemaran laut, sungai dan pantai. Peranan Task Force tersebut adalah untuk menangani isu-isu pencemaran di punca (*pollution at source*) yang menyebabkan pencemaran laut, sungai dan pantai. Task Force ini diurussetiakan oleh JPS dan dianggotai oleh :-
- (i) Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)
  - (ii) Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah
  - (iii) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MBPP)
  - (iv) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)
  - (v) Jabatan Alam Sekitar (JAS)
  - (vi) Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)

- (vii) Jabatan Pertanian Negeri (JPN)
- (viii) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan
- (ix) Indah Water Konsortium (IWK)

*Task Force* tersebut telah mengambil langkah-langkah mitigasi bagi menyelesaikan isu-isu pencemaran melalui pendekatan seperti berikut:-

- (a) Bagi menangani kelicikan air dari tapak pelupusan sampah Pulau Burung, tindakan-tindakan yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut :-
  - (i) Tindakan Jangka Pendek dengan membina dan mengukuhkan ban parit perimeter di sekeliling tapak pelupusan menggunakan cerucuk bakau dan penambakan tanah merah yang dilapisi dengan *liner*, dan
  - (ii) Tindakan Jangka Panjang dengan membangunkan tapak pelupusan sampah Pulau Burung Fasa 3 yang dijangka siap pada hujung tahun 2018 dengan ciri-ciri berikut :-
    - Setiap sel pelupusan dan kolam takungan air kurasan akan dipasang *liner* dari jenis *high-density polyethylene (HDPE) geomembrane* bagi mengelakkan air kurasan daripada meresap masuk ke sumber air berdekatan.
    - Pembangunan *Leachate Treatment Plant (LTP)* dengan kapasiti pemprosesan air kurasan sebanyak 2,000 kubik meter sehari.
    - Air kurasan dari kolam takungan dan parit perimeter Tapak Pelupusan Sampah, Pulau Burung Fasa 1 dan 2 akan dipam masuk ke dalam kolam takungan air kurasan yang baharu di Fasa 3 dan

- LTP yang dibina akan memproses semua air kurasan mengikut standard JAS sebelum dilepaskan ke saliran air berdekatan.

- (b) Bagi isu sisa kumbahan ternakan khinzir dari Perkampungan Jawi dan Perkampungan Valdor, penyelesaian jangka pendek yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui JPS dengan kerjasama ahli-ahli *Task Force* adalah seperti berikut :-
- (i) Pemantauan secara berterusan oleh MPSP di setiap ladang ternakan serta mengeluarkan notis, mengenakan kompaun, pembatalan lesen dan tindakan mahkamah bagi ladang yang melanggar syarat-syarat pelesenan oleh MPSP;
  - (ii) Penyiasatan oleh JPV mengenai punca buangan sisa ladang ke dalam sungai serta mengarahkan penternak untuk menghentikan buangan sisa secara terus (*direct discharge*) ke dalam sungai;
  - (iii) Mengarahkan supaya sisa ternakan disalirkan ke sistem kumbahan ladang sedia ada dan dirawat dengan *Effective Microbes (EM)* yang dibekalkan oleh JPV bagi menangani isu pencemaran bau di ladang yang dikenal pasti oleh pihak jabatan;
  - (iv) Menetapkan supaya bacaan *Biological Oxygen Demand (BOD)* tidak melebihi 50 ppm bagi pelepasan sisa ladang. Ladang yang merekodkan bacaan BOD melebihi 50 ppm akan digantung permit pemindahan ternakan; dan
  - (v) Pemantauan kualiti air sungai secara berkala oleh JAS bagi memastikan tindakan segera dapat diambil ke atas punca-punca pencemaran jika bacaan parameter kualiti air yang dikesan melebihi piawai yang ditetapkan.

Sebagai kaedah penyelesaian jangka panjang terhadap isu penyaluran sisa-sisa ternakan yang menyebabkan pencemaran sungai, Dewan Undangan Negeri (DUN) telah meluluskan Enakmen Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang pada 24 November 2016. Enakmen ini mewajibkan penternak untuk menaik taraf ladang sedia ada kepada *Modern Pig Farming* (MPF) yang mempunyai empat (4) kriteria utama iaitu ladang tertutup, zon penampungan dengan jarak 200 meter, zero discharge dan *Good Animal Husbandry Practise* (GAHP). Enakmen tersebut berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 dan operasi penguatkuasaan penuh akan bermula pada 1 Januari 2020. Notis telah dikeluarkan kepada penternak khinzir untuk bertukar ke *Modern Pig Farming* (MPF) sebelum 31 Disember 2019.

- (c) Bagi isu pencemaran yang disebabkan oleh kilang-kilang dari Kawasan Perindustrian Prai, Kerajaan Negeri melalui JAS sentiasa memastikan setiap industri yang beroperasi perlu mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Mana-mana pihak industri yang didapati melanggar peraturan-peraturan di bawah Akta tersebut boleh diambil tindakan penguatkuasaan yang tegas seperti tawaran kompaun dan tindakan mahkamah. JAS juga telah memperkenalkan *Guided Self Regulations* (GSR) dimana pihak industri perlu memastikan operasi premis sentiasa patuh kepada Akta berkenaan dengan mengarusperdanakan pengurusan alam sekitar (*environmental mainstreaming*).

Selain itu, MPSP juga sering mengadakan operasi secara bersepadu bersama JAS, IWK dan SPAN bagi memeriksa kilang-kilang yang mengeluarkan efluen supaya mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sekiranya terbukti berlaku kesalahan, MPSP akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut :-

- (i) Menyekat pembaharuan lesen terhadap kilang-kilang yang gagal mematuhi syarat atau

- melepaskan pencemaran secara terus ke dalam sungai atau laut;
- (ii) Mengambil tindakan pengeluaran notis dan tawaran kompaun bagi setiap kesalahan yang telah dikenal pasti; dan
- (iii) Membatalkan lesen perniagaan serta memaklumkan status pembatalan lesen kepada Invest Penang dan MIDA bagi tindakan lanjut di bawah bidang kuasa agensi tersebut.